

25 SEP 2001

Sarawak-Abu

ABANG ABU BAKAR TAK HARGAI JASA DR MAHATHIR, KATA NAZRI

SIBU, 25 Sept (Bernama) -- Tindakan bekas Menteri Pertahanan Datuk Abang Abu Bakar menentang Barisan Nasional dalam pilihanraya Sarawak amat mendukacitakan kerana dia tidak menghargai jasa Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad terhadapnya, kata Menteri Pembangunan Usahawan, Datuk Seri Mohamad Nazri Abdul Aziz.

Beliau berkata Abang Abu Bakar dilantik menjadi menteri oleh Perdana Menteri walaupun kuota untuk Sarawak sudah dipenuhi.

Bercakap kepada pemberita selepas merasmikan Pusat Giat Mara di sini, Nazri berkata Sarawak sepatutnya hanya mempunyai tiga tempat dalam kabinet iaitu satu untuk Bumiputera Islam, satu Bumiputera bukan Islam serta satu lagi Cina, tetapi Dr Mahathir memberi peluang kepada Abang Abu Bakar.

"Inilah jasa Perdana Menteri beri kepada dia secara peribadi, tetapi akhirnya apa balasan dia buat, dia lawan Tan Sri Abdul Taib Mahmud serta Dr Mahathir," katanya.

Nazri menganggap perbuatan Abang Abu Bakar berkempen sebagai calon pembangkang sebagai amat memalukan kerana dia bekas menteri kerajaan BN.

"Jangan sokong kumpulan bebas yang diketuai Abang Abu ini kerana pilihanraya untuk bela rakyat, bukan bela bekas menteri," katanya.

Abang Abu Bakar, yang juga bekas Timbalan Presiden Parti Pesaka Bumiputera Bersatu Sarawak, bertanding sebagai calon Bebas di Asajaya, kerusi yang dikosong oleh Taib yang kini bertanding di Balingian.

Sekumpulan calon Bebas lain juga dikaitkan dengan beliau.

Nazri juga berkata Sarawak telah diperuntukkan sebanyak RM107 juta menerusi MARA dalam Rancangan Malaysia Ke-8 bagi program pendidikan dan kemahiran, premis perniagaan, pembiayaan dan pembangunan usahawan.

Dalam RMK8, Perbadanan Pembangunan Ekonomi Sarawak diperuntukkan RM53 juta untuk projek-projeknya, katanya.

-- BERNAMA

AT MAI